

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH SEBAGAI PILIHAN DESTINASI PENGAJIAN DALAM KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA

### UNIVERSITI MALAYSIA SABAH AS A STUDY DESTINATION AMONG INTERNATIONAL STUDENTS

Irma Wani Othman<sup>1</sup>  
Hasbullah Awang<sup>2</sup>  
Herlina Jupiter<sup>3</sup>  
Muhammad Safuan Yusoff<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 84000 Kota Kinabalu, Sabah, Tel: +6088320000  
E-mail: [irma@ums.edu.my](mailto:irma@ums.edu.my)

<sup>2, 3&4</sup> Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan,  
and Tel: +6087460486 E-mail: [hasbullahawang87@yahoo.com](mailto:hasbullahawang87@yahoo.com)

Accepted date: 1 January 2017, Published date: 31 March 2017

---

**Abstrak:** *Kecemerlangan akademik merupakan matlamat setiap pelajar yang melanjutkan pengajian. Begitu juga bagi pelajar antarabangsa, keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara di lihat sebagai jalan bagi memperolehi kejaya pada masa hadapan. Oleh itu, pemilihan dari segi lokasi/geografi di ambil kira bagi memastikan perjalanan mereka selama menimba ilmu di tempat baharu beroleh kejayaan. Dalam konteks UMS, pemilihan lokasinya sebagai destinasi pengajian adalah sangat bertepatan kerana lokasi UMS yang strategik yang terletak di Sabah yang memperlihatkan warisan semulajadi yang kaya dengan alam semulajadi, landskap, flora dan fauna dan sebagainya. Bukan itu sahaja, kepelbagaian kompilasi penduduk yang unik dan menarik dengan kaya dengan tradisi dan budaya menjadikan tarikan dalam pemilihan lokasi bagi melanjutkan pengajian. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor tarikan pelajar antarabangsa memilih Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai destinasi pengajian. Hasil kajian ini diharap dapat meningkatkan kadar kemasukan pelajar antarabangsa di UMS dengan kedudukan UMS yang strategik di Kepulauan Borneo.*

**Kata Kunci:** Universiti Malaysia Sabah, Pelajar Antarabangsa, Pengajian Tinggi, Lokasi

**Abstract:** *Academic excellence is the goal of every student to pursue. Similarly, international students, the decision to study abroad are seen as a way to obtain a good career in the future. Therefore, the selection of the location / geography is taken into account to ensure their long journey to gain knowledge in new places every success. In the context of UMS, the selection of the location as a destination for study is very timely as UMS strategically located in Sabah, which shows the rich natural heritage with nature, landscape, flora and fauna and so on. Not only that, the diversity of the population compilation of unique and interesting with a rich tradition and culture of the attractions in the selection of the location for further studies. The objective of this study was to identify factors of attraction of international students choose the University Malaysia Sabah (UMS) as a study destination. The results of this study are expected to increase the rate of enrolment of international students at UMS with a strategic position on the island of Borneo.*

**Keywords:** Universiti Malaysia Sabah, International Students, Higher Education, Location

---

## **Pengenalan**

Matlamat pengajian tinggi itu sendiri adalah menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan kompeten dalam bidang pengajian. Selaras dengan itu, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mempunyai peranan penting sebagai gedung ilmu dan pembangunan manusia bagi menghasilkan ilmuwan, cendekiawan yang mampu menyumbang kepada sosioekonomi negara (KPTM, 2013). Oleh yang demikian, dalam usaha pengantarabangsaan, IPT mempunyai peranan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai antara destinasi pilihan utama pelajar antarabangsa.

Dalam menjana aspirasi sistem pendidikan negara kearah standard yang lebih tinggi, pendidikan yang berkualiti sangat perlu sebagai landasan dalam melahirkan modal insan minda kelas pertama, berinovatif dan berkemahiran tinggi dalam usaha meningkatkan daya saing negara diperingkat global. Dalam usaha untuk meningkatkan daya saing Negara, pelbagai persediaan bagi memastikan Malaysia sebagai hab pendidikan setanding dengan negara maju. Pembentangan bajet 2015 dalam Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia (2013-2025) memperlihatkan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM56 billion. Peruntukan ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Pelbagai langkah yang telah dirangka antaranya adalah melalui pengantarabangsaan.


Melalui pengantarabangsaan, antara program yang dirangka termasuklah pertukaran tenaga akademik, pertukaran pelajar, kolaborasi penyelidikan dan jalinan kerjasama dengan universiti terkemuka didunia. Hasilnya, Malaysia mampu menarik lebih ramai pelajar antarabangsa yang akan dapat memberi manfaat dari segi jalinan interaksi, pengalaman dan budaya. Sebagai sebuah negara yang membangun, Malaysia diiktiraf negara Asean yang

kedua terbaik selepas Singapura sebagai lokasi melanjutkan pengajian. Ia juga diperakui dari hasil kajian ranking U21 sistem pendidikan tinggi antarabangsa 2013 yang meletakkan Malaysia di tangga ke- 27 dalam kalangan 50 buah negara di dunia sebagai destinasi pilihan pelajar antarabangsa (Berita Harian, 2017). Secara umumnya, kertas konsep ini membincangkan faktor tarikan pelajar antarabangsa memilih Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai destinasi pengajian.

### Pernyataan Masalah

Perkembangan pendidikan yang pesat bukan sahaja membantu dari aspek ekonomi tetapi juga membuka peluang dalam menarik lebih ramai kedatangan pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian di Malaysia dengan pelbagai bidang. Sejalan dengan itu, sebagai sebuah universiti komprehensif, tidak hairanlah UMS menerima kedatangan pelajar antarabangsa dari pelbagai negara seperti China, Brunei, Indonesia, Timor Leste, Tanzania dan sebagainya. Dengan kedudukan UMS yang strategik, ia menjadi salah sebuah universiti awam yang menjadi pilihan pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian. Carta 1 menunjukkan enrolmen pelajar antarabangsa yang berdaftar di UMS.

**Carta 1: Pendaftaran Pelajar Antarabangsa di UMS Sesi 2009/2010- 2015/2016**



Sumber: [www.ums.edu.my/phea/index.php/ms/](http://www.ums.edu.my/phea/index.php/ms/) akses 26 November 2016

Statistik dalam carta 1 menunjukkan enrolmen pelajar antarabangsa di UMS bagi sesi 2009/2010-2015/2016. Jika diperhatikan, pola menunjukkan enrolmen pelajar antarabangsa di UMS adalah tidak sekata kerana terdapat peningkatan dan juga penurunan bagi setiap sesi. Terdapat peningkatan enrolmen pada sesi 2009/2010 dari 125 orang kepada 128 orang sesi 2010/2011. Enrolmen sesi 2011/2012 memperlihatkan sebanyak 187 orang menurun kepada 171 orang pada sesi 2012/2013.

### **Signifikan Kajian**

Pemilihan destinasi pengajian merupakan isu utama yang mempunyai perkaitan rapat berhubung pengalaman tahun pertama pelajar antarabangsa di UMS. Antara faktor pendorong adalah pemilihan UMS sebagai destinasi pengajian. Kedatangan pelajar antarabangsa ke UMS meningkat setiap tahun yang dikatakan disebabkan oleh beberapa faktor dengan mengambil kira bukan sahaja dari segi lokasi tetapi prestasi keseluruhan UMS sebagai Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

### **Skop Kajian**

Penghuraian kertas konsep ini diharap dapat memberi impak positif kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia khususnya di UMS dalam meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang, di samping dapat menyesuaikan diri dipersekitaran baharu seterusnya dapat mewujudkan pengalaman yang bermakna pada tahun pertama mereka.

### **Sorotan Literatur**

Kebanyakan pelajar antarabangsa ini menitikberatkan lokasi dan juga kehadiran pelajar antarabangsa yang lain dalam sesebuah institusi pengajian sebelum mengambil keputusan untuk melanjutkan pengajian. Para penyelidik menjelaskan yang mana dengan kehadiran pelajar antarabangsa yang lain, mereka dapat membina rangkaian perhubungan untuk prospek masa depan di samping dapat memberikan pelbagai bantuan dan sokongan bukan sahaja dari segi akademik tetapi dapat mewujudkan pengalaman di persekitaran yang baru (Hemsley-Brown 2012; Jobbins 2015; Price *et al.* 2003; Rooijen 2015).

Menurut kajian Mazzarol dan Soutar (2002) antara faktor tarikan mengapa seseorang itu melanjutkan pengajian adalah disebabkan oleh tempat yang selamat untuk diduduki, cuaca yang selesa serta suasana persekitaran yang kondusif. Dapatan Mazzarol dan Soutar (2002) juga menunjukkan destinasi yang selamat dan aman mendorong pelajar memilih bagi melanjutkan pengajian. Hal ini penting bagi memastikan mereka berasa selamat ketika belajar tanpa sebarang gangguan. Kajian terdahulu juga mendapati faktor keselamatan di destinasi pengajian adalah faktor terpenting yang menyumbang terhadap peningkatan pelajar antarabangsa (Maringe dan Carter, 2007). Faktor keselamatan ini didorong oleh faktor kestabilan politik di negara destinasi bagi menjamin suasana pembelajaran yang lebih selesa.

Dapatan Kajian Maringe dan Carter (2007) juga mendapati bahawa karenah birokrasi di destinasi pengajian memainkan peranan penting kerana proses permohonan yang cepat dan efektif memudahkan pelajar antarabangsa ini melanjutkan pengajian. Dalam kajian Hemsley-Brown (2012) pengaruh reputasi institusi pendidikan juga antara aspek utama dalam membuat pilihan destinasi pengajian. Antara pengaruh reputasi institusi pendidikan termasuklah imej institusi pendidikan itu sendiri, kualiti tenaga akademik, perkhidmatan sokongan, bahasa pengantar, kemudahan dan prasarana serta bantuan kewangan.

Wujudnya kursus dan lapangan kajian baru yang tidak terdapat di negara mereka juga antara faktor pelajar antarabangsa melanjutkan pelajaran ke luar negara dalam kajian (Mehdizadeh dan Scott, 2015) yang mana juga persepsi daripada pengalaman pelajar terdahulu yang telah belajar ke luar negara mempengaruhi keputusan mereka belajar di luar negara (Roopa Desai

Trilokekar dan Sarah Rasmi, 2011). Selain dari itu faktor-faktor seperti persekitaran politik yang stabil, kebebasan bersuara individu, kadar pengangguran yang rendah, kestabilan ekonomi, kepelbagaian kaum serta budaya dan taraf pendidikan antarabangsa di negara tersebut (Ancheh, 2015). Selain itu tarikan sesebuah bandar di dalam negara tersebut turut menjadi antara tangga teratas pemilihan pelajar antarabangsa.

Imej institusi memperlihatkan impak secara langsung dalam pembuatan keputusan oleh pelajar ketika memilih institusi pengajian luar negara (Mazzarol dan Soutar, 2002; Verbik dan Lasanowski, 2015). Status, kedudukan dan akreditasi dan reputasi sesebuah universiti dan peluang pekerjaan adalah antara kriteria utama dalam membentuk sebuah imej institusi yang baik. Ini kerana ianya mempengaruhi pemilihan pelajar kerana imej universiti tersebut berkait rapat dengan status antarabangsa serta bidang kepakaran yang dimiliki oleh sesebuah universiti.


Secara umumnya, pemilihan UMS sebagai lokasi untuk melanjutkan pengajian dikalangan pelajar antarabangsa adalah sangat bertepatan sama sekali. Sebagai sebuah universiti komprehensif, UMS menekankan pendekatan secara holistik dari segi pengajaran dan pembelajaran yang mana teori dan praktikal diberi penekanan yang mana ianya bagi menjamin pelajar mendapat ilmu dan kemahiran yang seimbang. Sehubungan itu, melalui program sangkutan di industri, amali berstruktur, program mobiliti dalam dan luar negara dapat memberi peluang kepada perkembangan kerjaya pelajar antarabangsa. Sebanyak 64 program pengajian yang ditawarkan di peringkat Ijazah Sarjana Muda yang terdiri daripada program sains, kejuruteraan, perubatan, sains makanan, pertanian, perhutanan, seni, sains sosial, perniagaan, perakaunan dan juga ekonomi mampu menarik lebih ramai kemasukan pelajar antarabangsa di UMS (UMS, 2017).

Dalam QS World University Ranking 2015 meletakkan UMS pada kedudukan 151-200 bagi subjek pertanian dan perhutanan. UMS juga mendapat penarafan 5 bintang di bawah projek My MOHES dan mendapat tempat ke-2 di dalam kumpulan universiti komprehensif (UMS, 2017). Kampus UMS juga antara kampus yang tercantik dalam negara dengan binaan lanskap yang menarik, kehijauan dan struktur bangunan yang sangat mengagumkan. Dari segi lokasi UMS yang terletak di negeri Sabah di bahagian paling utara pulau borneo. Kepelbagaian alam semulajadi seperti lanskap hutan tropika, flora dan fauna, gunung dan pulau-pulau yang menarik menambahkan lagi keyakinan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian.

### **Kerangka Konseptual**

Kajian ini menggunakan teori faktor dalaman (Tolakan) dan faktor luaran (Tarikan) yang telah dipelopori oleh Mazzarol dan Soutar (2002).

### Faktor Tolakan dan Faktor Tarikan Mazzarol dan Soutar, (2002).



Faktor tolakan ataupun dalaman adalah set faktor dalam negara penghantar yang mempengaruhi keputusan belajar untuk menuntut di luar negara, manakala faktor tarikan ataupun luaran adalah satu set faktor dalam negara penerima yang dapat menarik minat pelajar antarabangsa (Mazzarol dan Soutar, 2002). Mereka berpendapatreka bahawa terdapat

tiga tahap utama untuk membuat pemilihan destinasi pengajian (Mazzarol dan Soutar, 2002). Antaranya:

- i) Mempertimbangkan samada untuk belajardalam negara atau luar negara (Faktor Tolakan).
- ii) Melibatkan pemilihan destinasi pengajian dengan membandingkan pelbagai faktor tarikan yang dimiliki oleh setiap negara.
- iii) Pelajar membuat pemilihan institusi pengajian.

### **Metodologi**

Bagi mengukuhkan kajian yang dijalankan, pendekatan yang digunakan adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kaedah temu bual secara mendalam. Seramai 20 orang responden (pelajar antarabangsa) telah dipilih secara rawak berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Antaranya; i). Pelajar Pra-siswazah tahun pertama dari kepelbagaian kewarganegaraan yang sedang menuntut di Universiti Malaysia Sabah, ii). Pelajar telah sekurang-kurangnya berada di Malaysia selama enam (6) bulan sehingga satu (1) tahun, iii). Status pembiayaan pelajaran tanpa tajaan iaitu di atas sumber kewangan sendiri, dan iv). Lokasi kajian dilakukan di sepuluh (10) fakulti di Universiti Malaysia Sabah. Penggunaan kaedah temu bual secara mendalam amat penting kerana ianya salah satu cara yang amat berkesan bagi mendapatkan kesahan data yang diperolehi (Creswell, 2013).

### **Perbincangan**

Umumnya, pemilihan lokasi pengajian amat dititikberatkan sebelum membuat keputusan untuk melanjutkan pengajian ke luar negara. Kestabilan politik, ekonomi, sosial, imej institusi antara kriteria yang perlu dipertimbangkan. Oleh yang demikian, dalam memartabatkan sistem pendidikan tinggi negara, pelbagai cadangan perlu dirangka bagi memastikan aspirasi menjadi realiti. Melakukan pertukaran pensyarah dan pelajar bagi memperkenalkan kepada universiti luar. Secara tidak langsung ianya dapat berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman antara kedua-dua universiti. Disamping itu, penyediaan lebih banyak tempat kepada pelajar antarabangsa di universiti-universiti Malaysia dapat mewujudkan suasana persekitaran antarabangsa serta dapat meningkatkan kemahiran dari segi komunikasi, intelektual, pembelajaran dengan pelajar tempatan. Mempromosikan universiti diperingkat global mampu menarik lebih ramai pelajar antarabangsa yang ingin melanjutkan pengajian. Penawaran kursus yang relevan dan menuntuk prospek kerjaya masa hadapan, kos pengajian yang munasabah, lokasi yang menarik dan sebagainya diharap dapat menarik minat pelajar antarabangsa.

### **Kesimpulan**

Kertas konsep ini merungkai UMS sebagai lokasi pilihan dalam destinasi pengajian dikalangan pelajar antarabangsa di mana ianya turut mempersembahkan justifikasi dan skop kajian UMS sebagai institusi pengajian tinggi pilihan pelajar antarabangsa. Kertas konsep ini juga turut mencadangkan beberapa cadangan kepada pihak universiti dalam memacu hala tuju dan objektif UMS sebagai universiti awam di Malaysia bagi memastikan kualiti dan tadbir urus dapat dicapai. Secara umum, diharapkan kertas konsep ini dapat menyumbang kepada peningkatan dalam merekrut pelajar antarabangsa diperingkat global pada masa hadapan bagi mencapai aspirasi wawasan 2020.

### **Rujukan**

Ancheh, K.S.B. 2015. The changing landscape of the globalization of international higher.

- World Review of Science, Technology and Sustainable Development*, 3 (4),: 381-392.
- Creswell, J. 2013. *Qualitative Inquiry and Research Design. Chossing among five approach*. Los Angeles: Sage Publication Ltd.
- Hemsley-Brown, J 2012, 'The best education in the world': reality, repetition or cliché? International students' reasons for choosing an English university', *Studies in Higher Education*, vol. 37, no. 8, pp. 1005-22.  
<http://www.bharian.com.my/node/59165/akses> 28 Januari 2017
- <http://www.ums.edu.my/v5/index.php/ms/tentang-ums/kenapa-ums/akses> 29 Januari 2017
- Jobbins, D 2015, 'Foreign students add to campus attraction', *University World News*, no. 360, viewed 28 Jan 2017,
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2013) *Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan*, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Maringe, F. dan Carter, S. (2007) International students motivations for studying in UK HE: Insights into the choice and decision making of African students. *International Journal of Educational Management* **21** (6) pp. 459-475.
- Mazzarol, T. dan Soutar, G.N. (2002) Push-pull factors influencing international student decision choice. *The International Journal of Educational Management* **16** (2) pp. 51-95.
- Mehdizadeh, N., & Scott, G. (2015). Adjustment problems of Iranian international students in Scotland, **6** (4), 484–493.
- Price, I, Matzdorf, F, Smith, L & Agahi, H 2003, 'The impact of facilities on student choice of university', *Facilities*, vol. 21, no. 10, pp. 212-22.
- Rooijen, Mv 2015, 'Location is key to attracting foreign students', *University World News*, no. 359, 20 March, viewed 27 Nov 2016,
- Roopa Desai Trilokekar, & Sarah Rasmi. (2011). Student perceptions of international education and study abroad : *A pilot study at York University* , Canada. *Intercultural Education*, **22** (6), 495– 511.
- Verbik, L., and Lasanowski, V. 2015. International Student Mobility: Patterns and Trends. *The Observatory on Borderless Higher Education*, 1-48.